

165

SOALAN NO: 65

sehingga RM4000.00 bagi seorang artis tempatan dan antara RM2,000.00 sehingga RM10,000.00 bagi seorang penyanyi tempatan bergantung kepada bakat serta populariti untuk setiap tugas atau persembahan.

Dalam senario tertentu atau bagi memenuhi keperluan semasa, seseorang artis tempatan boleh dibayar lebih daripada had kadar yang telah ditetapkan dengan syarat mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Bagi stesen penyiaran swasta pula, kadar bayaran yang diberikan kepada artis tempatan bergantung kepada beberapa faktor seperti pengalaman watak yang dipegang, tempoh penggambaran, lokasi penggambaran dan lain-lain. Kadar bayaran bagi pelakon tambahan drama/telemovie bermula dari RM50.00 dan menjangkau sehingga RM15,000.00 bagi pelakon utama untuk setiap episod.